

PENERBITAN RASMI SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD

# SPNB 360°

EDISI APRIL-JUN 2016

EKSKLUSIF

'INDAHNYA RAMADAN'  
BERSAMA RUMAH  
TITIAN KASIH

FOKUS  
PEMANTAPAN  
INTEGRITI BERSAMA  
SPRM

DEKORASI  
SPNB IDAMAN  
UNGGULI DEKORASI  
'INDAHNYA SYAWAL'



# MESEJ HARI RAYA

*“Gemersik takbir mengundang hiba,  
Salam diutus tanda ingatan,  
Syawal dinanti menjelang tiba,  
Salam diutus pohon kemaafan.”*



“Saya mengucapkan selamat bercuti dan selamat pulang berhari raya di kampung halaman bersama keluarga tersayang. Penuhilah aktiviti sambutan Hari Raya dengan mengunjungi keluarga jauh dan dekat, sahabat handai sebagai tanda penghormatan kepada hubungan kemanusiaan yang terjalin. Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri. Maaf Zahir Batin.”



**Mastura Azlina  
Mohammad**  
*Ketua Pegawai Perancangan  
Strategik*

“Tangan dihulur maaf dipinta, Erat hubungan sesama kita, Semoga gembira di hari yang mulia ini, Salah dan silap harap dimaaf, Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin buat semua warga SPNB.”



**Mohd Hafidz Bin Abu  
Bakar**  
*Ketua Bahagian  
Perundungan Litigasi*

“Hari Raya Aidilfitri membawa erti yang besar maknanya kepada semua warga SPNB. Sambutlah dengan penuh bersederhana dan berbelanjalah secara berhemah.”



**Zakaria Bin Alang Hassan**  
*Ketua Pegawai Kewangan*

“Selamat Hari Raya Aidilfitri dengan kepada semua kakitangan SPNB. Sambutlah dengan penuh kesederhanaan tetapi dengan suasana yang ceria dan penuh kegembiraan.”



**Rohaizan Bin Kambol**  
*Ketua Bahagian Sumber  
Manusia*

“Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua rakyat Malaysia khususnya kepada muslimin dan muslimat. Kepada yang pulang beraya di kampung halaman, pandulah kenderaan dengan cermat dan kami berdoa agar sampai ke pangkuhan keluarga tersayang dengan selamat.




**Amiruddin Shah Hezan  
Shah**  
*Ketua Bahagian Pengurusan  
Projek*

“Kepada yang memandu di musim perayaan ini, pandulah dangan cermat, sabar dan penuh berhemah. Saya doakan saudara semua selamat sampai ke tempat yang dituju. Selamat Hari Raya Aidilfitri.”



**Azrul Hisyam**  
*Ketua Pegawai Eksekutif  
SPNB Idaman Sdn. Bhd.*



**Musratulniza Binti  
Mustaffa**  
*Setiausaha Syarikat*

# INDEKS

## Sidang editor

Diterbitkan  
BAHAGIAN  
KOMUNIKASI  
KORPORAT  
Syarikat Perumahan  
Negara Berhad  
Tingkat 8, Wisma  
Perkeso, Jalan Tun  
Razak, 50400 Kuala  
Lumpur, Malaysia  
Tel : 1300-80-3838  
Faks : +603-2681 0170  
*Percetakan & Konsep*  
**ESORDYLA**  
**ENTERPRISE**  
B-1-6 Sri Damansara  
Court, Persiaran  
Kenanga PJU 9, Sri  
Damansara, 52200  
Kuala Lumpur  
Tel : +6012-6931750



---

## 01 MESEJ PENGERUSI

---

## 04 KATA GCEO

---

## 05 APA SIAPA DIMANA

---

## 08 TIPS KESELAMATAN

---

## 09 FOKUS

*Pelaksanaan Klausma Integriti Pact*

---

## 10 FOKUS

*Pemantapan Integriti*

---

## 12 DEKORASI

*Seloka Aidilfitri*

---

## 14 ESKKLUSIF CSR

*Nikmat Syawal*

---

## 16 TESTIMONI 1

*Rumah Pilihan Utama*

---

## 18 TESTIMONI 2

*Kediaman Idaman*

---



“

*Saya amat berharap  
semangat kesepakatan ini  
akan diteruskan dan menjadi  
budaya positif yang sentiasa  
diamalkan selalu.*

”



# PERUTUSAN DARI PENGERUSI KUMPULAN SPNB

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Aidilfitri serta Salam  
Sejahtera buat semua warga SPNB.

Pertamanya, segala ucapan tahnid dipanjatkan ke hadrat Allah SWT justeru selesai sebulan kita melaksanakan ibadah puasa dalam satu perjalanan spiritual mentarbiyyah rohani dan menguji fizikal. Maka, dengan tibanya fajar Syawal yang mulia, umat Islam hari ini dengan penuh rasa kesyukuran menyambut satu kemenangan mujahadah yang tertinggi pengertiannya seperti disifatkan oleh Rasulullah SAW yakni jihad bagi melawan nafsu.

Pada tahun ini, ditakdirkan sesuatu yang bitara dan unik, sebagai rakyat Malaysia kita bertuah dapat menyambut gema Aidilfitri sekali lagi dengan rasa penuh kesyukuran. Sebagai pembuka bicara, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Komunikasi Korporat SPNB kerana bersungguh-sungguh menjayakan Buletin SPNB 360° ke-7 tahun ini.

Seperti yang kita semua sedia maklum, bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh keberkatan. dalam bulan ini amalan kita diberi ganjaran berlipat ganda oleh Allah SWT. apakah lagi dalam kita mengharungi sepuluh malam terakhir seperti sekarang, kedatangan malam Lailatul Qadar yang lebih baik dari seribu bulan amat kita semua nantikan. Justeru itu, sebagai mengambil keberkatan bulan yang mulia ini, maka pihak SPNB mengambil inisiatif mengadakan Majlis Sumbangan Raya SPNB bersama Rumah Kebajikan Nur Hati, Ampang.

Majlis ini bertujuan untuk menyampaikan sumbangan kepada anak yatim yang terpilih dan saya berharap SPNB dapat menjadikan majlis yang mulia seperti ini sebagai kalender acara tahunan sempena bulan Ramadan dan bersama-sama meringankan beban dan memberi peluang kepada keluarga yang beragama Islam untuk meraikan Aidilfitri dengan lebih gembira.

Jutaan terima kasih, dan tahniah saya ucapan kepada semua warga SPNB yang telah bertungkus lumus dan berganding bahu bersama-sama menggembungkan tenaga melaksanakan tanggungjawab korporat sepanjang bulan ramadan lalu. Saya amat berharap semangat kesepakatan ini akan diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu.

Akhir kata, saya dengan rasa kerendahan hati bagi pihak diri, isteri, anak-anak dan seisi keluarga mengambil kesempatan ini menyusun jari nan sepuluh memohon kemaafan zahir dan batin atas apa jua kesalahan mahupun kekhilafan yang dilakukan. Semoga Tuhan sentiasa merahmati kita semua.

*Selamat Hari Raya Aidilfitri*

*Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*

**YB Datuk Dr Haji Abd Latiff Ahmad**  
*Pengerusi SPNB*



# MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN SPNB

*Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Aidilfitri.*

Alhamdullilah, segala puji bagi Allah S.W.T yang mengurniakan begitu banyak nikmat kepada kita semua di Malaysia. Sepanjang satu bulan Ramadhan kita dapat menunaikan ibadat puasa dengan cukup sempurna. Semua yang wajib dan sunat dapat kita tunaikan dengan sempurna.

Dalam bergembira, kita jangan lupa tanggungjawab kepada organisasi. Semoga lebaran tahun ini akan meningkatkan azam dan tekad untuk terus bersama-sama memberi komitmen terbaik kepada peningkatan prestasi syarikat. Amanah, tanggungjawab, kecekapan pengurusan perlu diberikan keutamaan. Ambillah peluang di bulan mulia ini untuk memperbaiki akhlak dan pretasi tugas harian supaya warga

SPNB lebih cemerlang dan memastikan syarikat sentiasa berada di hadapan.

Kepada warga kerja dan umat Islam di Malaysia di mana juga mereka berada, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, mudah-mudahan kita semua akan merayakan hari kemenangan ini dengan riang gembira. Khusus kepada warga SPNB yang menggunakan jalan raya untuk balik ke kampung dan kemudian kembali ke bandar-bandar, pandu dengan cermat.

Sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dari saya dan keluarga, maaf zahir dan batin.

Ikhlas Dari,  
**Datuk Ahmad Azizi Hj Ali**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan,  
SPNB

*“  
Semoga lebaran  
tahun ini akan  
meningkatkan  
azam dan  
tekad untuk  
terus bersama-  
sama memberi  
komitmen terbaik  
kepada prestasi  
syarikat.  
”*

Kaleidoskop SPNB terus memaparkan pelbagai atur cara menarik sepanjang pertengahan tahun ini buat tatapan warga SPNB.

# APRIL

**1**

PRESTIGIOUS DEVELOPER AWARDS 2016

**2**

MAJLIS PELANCARAN PERUMAHAN VISTA PERDANA (FASA 2), MIRI, SARAWAK

**10**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KELAYAKAN & INDEN KERJA RMRM PERINGKAT NEGERI KELANTAN OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
(Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri)**8-10**

PROGRAM SEJIWA SENADA 2016, SRI AMAN, SARAWAK

**16**

Program di transit geladangan anjuran bersama UniKL Mestec

**13**

Lawatan Pengerusi & Ahli Lembaga Pengarah SPNB ke galeri jualan Q3 & Aspire Residence SPNB Aspirasi.

**15-17**

Program Sejiwa Senada di Kota Samarahan, Sarawak.

**15**

Mesyuarat & lawatan ke tapak Pembangunan Kampung Manggis.

**21**

PERHIMPUNAN KAKITANGAN SPNB EDAR SDN BHD

**15-17**

PAMERAN MALAYSIA PROPERTY EXPO (MAPEX) 2016

**29**

Program 'coffee talk' Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bersama warga kerja SPNB (Eksekutif Kanan dan Ke bawah).

**26**

MAJLIS TANDATANGAN MOU SEACERA BERSAMA SPNB EDAR SDN BHD



**1**

PROGRAM MOBILE CTC DI LADANG PASIR GAJAH,  
KUALA KRAI, KELANTAN



**13-19**

LAWATAN KERJA KE KOREA



**14**

PROGRAM MOBILE CTC  
KARNIVAL JOM JPJ, PAHANG



**15**

PROGRAM MOBILE CTC DI  
PERMATANG DAMAR LAUT,  
PULAU PINANG



**20**

PROGRAM MOBILE CTC SEMPENA  
KARNIVAL MOH NIAGA,  
PENDIDIKAN, KERJAYA & MINGGU  
PKS PERINGKAT NEGERI PERAK



**24**

WAWANCARA BERSAMA  
BERNAMA RADIO



**21**

MOBILE CTC DI  
MARANG, TERENGGANU



**24**

PROGRAM MERAKYATKAN  
SPRM BERSAMA SPNB



**24**

PROGRAM MOBILE CTC DI TERENGGANU



**24**

PROGRAM QLASSIC AWARENESS



<b>2</b>	LAWATAN KERJA KE KULAI, PENGERANG DAN PLENTONG SERTA MAJLIS RAMAH MESRA	<b>4</b>	PROGRAM MOBILE CTC DI KELANTAN	<b>8-9</b>	MAJLIS PENYERAHAN INDEN KERJA RMRIM DI TERENGGANU
<b>9</b>	PROGRAM KECEMERLANGAN UPSR DAN SPM ANAK-ANAK KAKITANGAN SPNB	<b>11</b>	PROGRAM MOBILE CTC DI SELANGOR	<b>12</b>	PROGRAM MOBILE CTC DI PERAK
<b>13</b>	MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KELAYAKAN & INDEN KERJA RMRIM PERINGKAT PARLIMEN KUALA KANGSAR, PERAK	<b>14</b>	MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KELAYAKAN & INDEN KERJA RMRIM PERINGKAT PARLIMEN SUNGAI BESAR, SELANGOR		
<b>13-14</b>	MAJLIS PENYERAHAN INDEN KERJA RMRIM DI KEDAH	<b>27</b>	PERTANDINGAN DEKORASI INDAHNYA SYAWAL DI SPNB	<b>28</b>	MAJLIS SUMBANGAN RAYA PENGHUNI RUMAH TITIAN KASEH @ JAKEL, KUALA LUMPUR



# TIPS KESELAMATAN

PULANG BERHARI RAYA ADALAH MOMEN YANG PASTINYA DINANTIKAN, NAMUN USAH ALPA AKAN KESELAMATAN HARTA BENDA. SPNB 360 BERKONGSI LANGKAH KESELAMATAN MENINGGAL RUMAH SEBELUM PULANG BERHARI RAYA DI KAMPUNG

- Pastikan setiap tingkap dan pintu dikunci
- Hendaklah beritahu jiran supaya hidupkan lampu depan dan belakang rumah semasa ketiadaan anda dirumah
- Pastikan semua peralatan elektrik ditutup suisnya dan plagnya dicabut.
- Pastikan alat-alat mudah terbakar seperti tong gas, kerosin dan mancis disimpan di tempat yang baik. Pastikan barang-barang berharga disimpan dengan baik ataupun dibawa bersama.

**1** Pastikan pintu dan tingkap rumah ditutup dan dikunci dengan ibu kunci (padlock) yang tidak mudah dipecah atau diumpil.

**2** Pastikan lampu di sekeliling rumah (depan/belakang) dipasang mulai jam 6.00 petang hingga 7.00 pagi (menggunakan auto timer) setiap hari. Pastikan alat penggera dipasang dan berfungsi dengan baik (jika ada).

**3** Pastikan alat keselamatan tambahan seperti rantai dengan ibu kunci (padlock) yang dipasang di tempat yang dianggap mudah dipecah masuk seperti pintu pagar hadapan dan belakang, pintu besi (grill) hadapan dan belakang rumah. Alat tersebut harus dipasang sebelum meninggalkan rumah.

**4** Jangan membiarkan binatang peliharaan anda kebuluran semasa anda bercuti.

**5** Pastikan jiran sebelah-menyebelah rumah (termasuk jiran di hadapan/belakang rumah) dimaklumkan, serta diberi nombor telefon yang mudah dihubungi dalam jangka masa ketiadaan anda.

**6** Pastikan barang-barang kemas seperti emas, wang tunai, jam berharga dan sebagainya dibawa bersama atau disimpan di tempat yang selamat dan bersesuaian.

**7** Hentikan langganan surat khabar bagi mengelakkan penjenayah daripada mengetahui rumah ditinggalkan kosong. Meminta pertolongan jiran untuk menyimpan surat kiriman yang diletakkan di dalam peti surat atau pintu pagar dalam jangka masa ketiadaan anda.

**8** Maklumkan kepada pegawai atau anggota bertugas di bilik gerakan polis apabila anda bercuti dengan menghubungi nombor telefon ibu pejabat polis berdekatan dengan tempat tinggal anda dan berikan maklumat seperti berikut:

1. Nama dan alamat
2. Nombor telefon yang mudah dihubungi
3. Tarikh berlepas dan balik
4. Nombor dan jenis kenderaan yang ditinggalkan semasa cuti

**9** Anda juga dinasihatkan melindungi harta benda rumah anda dengan polisi insurans untuk meringankan beban kerugian sekiranya rumah dipecah masuk.



# KLAUSA PELAKSANAAN 'INTEGRITY PACT'

'INTEGRITY PACT' MERUPAKAN SALAH SATU PROSES UNTUK MENINGKATKAN INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN. SECARA UMUMNYA, IANYA MERUPAKAN SATU PROSES PENGISYTIHARAN OLEH BEBERAPA PIHAK SEPERTI PEMBIDA / PERUNDING / KAKITANGAN PEROLEHAN / AHLI JAWATANKUASA PEROLEHAN DAN AHLI LEMBAGA PEROLEHAN SEBAGAIMANA DASAR 'INTEGRITY PACT' YANG TELAH DILULUSKAN PADA 22 MEI 2015 DAN PEKELILING 'INTEGRITY PACT' YANG BERKUATKUASA PADA 29 JUN 2015.

## Bila & Bagaimana Ia Perlu Dilaksanakan?

- Pelaksanaan '*Integrity Pact*' Bagi Kakitangan Kumpulan SPNB Yang Terlibat Dalam - Perolehan; Kakitangan perlu menandatangani surat akuan dan memperbaharui akuan mereka setiap tahun dan perlu disimpan di dalam fail peribadi kakitangan di bawah Bahagian Sumber Manusia. (rujuk Borang 1)
- Pelaksanaan '*Integrity Pact*' Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan SPNB; Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan SPNB perlu menandatangi Surat Akuan sebelum dan selepas selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan SPNB. Sesalinan Akuan tersebut akan disimpan oleh urusetia dan dikepilkkan bersama Laporan berkaitan dan difailkan. (rujuk Borang 2 dan Borang 3)
- Pelaksanaan '*Integrity Pact*' Bagi Ahli Lembaga Berkaitan Perolehan SPNB; Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan SPNB perlu menandatangi Surat Akuan sebelum dan selepas selesai tugas-tugas Ahli Lembaga Berkaitan Perolehan SPNB. Sesalinan

Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urusetia Lembaga Perolehan. (rujuk Borang 4 dan Borang 5)

- Pelaksanaan '*Integrity Pact*' Bagi Pembida; Pembida perlu mengisi dengan lengkap dan ditandatangani Surat Akuan Pembida serta dikepilkkan bersama dokumen tender/ sebut harga yang telah diedarkan bersama dokumen tender/ sebut harga. (rujuk Borang 6) **klausa mengenai rasuah** juga perlu dimasukkan dalam semua dokumen kontrak tersebut. (rujuk Borang 7)

**Surat Akuan Pembida Berjaya** perlu diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada Jabatan/Bahagian yang terlibat. (rujuk Borang 8)

- Pelaksanaan '*Integrity Pact*' Bagi Pelantikan Perunding. Surat Akuan Kepentingan Perunding perlu disertakan bersama Surat Niat dan diserahkan kepada Perunding untuk ditandatangani dan dikembalikan kepada Jabatan/Bahagian berkaitan sebelum apa-apa rundingan dimulakan. (rujuk Borang 9)

**Surat Akuan Perunding Yang Dilantik** disertakan bersama Surat Setuju Terima yang dikeluarkan kepada Perunding. (rujuk Borang 10) **Klausa mengenai rasuah** juga perlu dimasukkan dalam dokumen kontrak perunding. (rujuk Borang 11)

Siapa Yang Terlibat Dalam '*Integrity Pact*'

- '*Integrity Pact*' Bagi Kakitangan Kumpulan SPNB Yang Terlibat Dalam Perolehan;
- '*Integrity Pact*' Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan SPNB;
- '*Integrity Pact*' Bagi Ahli Lembaga Berkaitan Perolehan SPNB;
- '*Integrity Pact*' Bagi Pembida; dan '*Integrity Pact*' Bagi Pelantikan Perunding



# PEMANTAPAN INTEGRITI

SEJAK TERMETERAINYA IKRAR INTEGRITI KORPORAT PADA 28 OGOS 2012, SPNB TERUS MEMANTAPKAN USAHANYA SEBAGAI SALAH SATU *KEY COMMUNICATOR* KEPADA SPRM DALAM USAHA MEMERANGI GEJALA RASUAH. IKUTI PAPARAN EKSKLUSIF MENGENAINYA.

Tanggal 23 Mei 2016, menjadi saksi berlangsungnya majlis Merakyatkan SPRM bersama SPNB di Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak. Program ini diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan di antara SPNB dan SPRM yang telah sedia wujud. Program ini menyediakan platform untuk berkongsi amalan integriti dalam masyarakat dan menjadikan kakitangan agensi berkaitan kerajaan yang menerapkan nilai-nilai pengukuhan integriti kepada para peserta sebagai pendekatan strategik dalam menghadapi cabaran masa kini dan akan datang.

Sebagai merancakkan lagi budaya kerja berintegriti di SPNB, Syarikat telah menubuhkan Seksyen Kawalan Integriti dibawah Bahagian Fasiliti, Kualiti dan Kawalan Integriti bagi memantau urusan tadbir kerja dan menghantar pegawai untuk menghadiri Kursus Pegawai Integriti Bertauliah. Antara dasar tadbir kerja SPNB yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah SPNB adalah Dasar Pelindungan Pemberi Maklumat dan Perlaksanaan ‘*Integrity Pact*’.

Diharapkan menerusi program seperti ini, rakyat akan melihat SPNB sebagai sebuah syarikat serta antara agensi kerajaan yang lebih telus ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Malah, diharapkan akan meningkatkan lagi tahap keyakinan masyarakat kepada SPRM dan SPNB serta memberikan pendedahan kepada warga SPNB mengenai segala bentuk gejala rasuah seterusnya menjalankan hubungan dan kerjasama jangka masa panjang di antara SPRM dan SPNB.





# SELOKA AIDILFITRI



TIDAK LENGKAP KIRANYA SAMBUTAN AIDILFITRI KALI INI TIDAK DIISI DENGAN AKTIVITI MENARIK. ISTIMEWA SEBAGAI TANDA MERAIKAN MOMEN PENUH BERMAKNA, SPNB MENCABAR WARGANYA BERKARYA MENERUSI PERTANDINGAN DEKORASI 'INDAHNYA SYAWAL'

Raya kali ini pastinya mengukir senyuman buat semua pemenang pertandingan Dekorasi Indahnya Syawal. Tahniah diucapkan kepada SPNB Idaman Sdn Bhd kerana berjaya dinobarkan sebagai pemenang tempat pertama dengan hadiah berupa wang tunai RM500 berserta hamper, diikuti SPNB Aspirasi Sdn Bhd tempat kedua dengan hadiah RM300 berserta hamper dan Bahagian Komunikasi Korporat dengan hadiah RM150 berserta hamper.

Pertandingan Dekorasi ‘Indahnya Syawal’ 1437H/2016 ini melibatkan Bahagian/ Anak Syarikat, Pejabat Cawangan dan Pejabat Tapak SPNB dan telah diadili oleh beberapa pihak dalaman dan luaran SPNB. Antara pengadil yang terlibat ialah En. Mazlin Ghazali Abdullah (MGhazali Arkitek), En. Rahim Abdul Rahman (SPNB Edar Sdn Bhd), En. Azizan Hassan (Ketua Audit Dalaman), En. Ahmad Ikhwan B Mohd Daud (SPNB Idaman Sdn Bhd).

1. SPNB Idaman Sdn Bhd
2. SPNB Aspirasi Sdn Bhd
3. Bahagian Komunikasi Korporat
4. SPNB Edar Sdn Bhd
5. Bahagian Sekretariat
6. Pej Cawangan Kelantan
7. SPNB Dana Sdn Bhd
8. Pej Cawangan Johor
9. SPNB Mesra Sdn Bhd
10. Pejabat Ketua Perancangan Strategik
11. Ketua Pegawai Kewangan
12. Pej Cawangan Perak
13. Bahagian Sumber Manusia
14. Bahagian Pengurusan Fasiliti & Kawalan Integriti
15. Bhgn Perundungan & Litigasi / Bhgn Pengurusan Projek / USL
16. Pej Tapak Gurun (Aspirasi)
17. Pej Cawangan Negeri Sembilan
18. Pej Tapak Cyberjaya (Aspirasi)
19. Pej Audit Dalaman
20. Pej Cawangan Terengganu
21. Pej Cawangan Pahang
22. Pej Cawangan Sabah

Tahniah diucapkan kepada pemenang dan diharapkan semangat ini terus bersemi dalam memeriahkan lagi sambutan Hari Raya di SPNB.

## 1 TEMPAT PERTAMA : SPNB IDAMAN







## 2 TEMPAT KEDUA : SPNB ASPIRASI



## 3 TEMPAT KETIGA : BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT







# NIKMAT SYAWAL

KHAS MERAIAKAN KETIBAAN AIDILFITRI TAHUN INI, SPNB BERBAKTI KEPADA ANAK-ANAK YATIM DARI RUMAH TITIAN KASIH TITIWANGSA. SPNB 360° MERAKAM DETIK TERINDAH KALA LIRIKAN SENYUMAN DAN GELAK TAWA KALA MASING-MASING PULANG MEMBAWA BAHAGIA.

**D**endangan irama malar segar lagu raya berkumandang menyerikan lagi suasana sambutan Majlis Indahnya Ramadhan SPNB 2016 bersama anak-anak yatim dan ibu tunggal dari Rumah Titian Kasih, Kuala Lumpur. Berlokasi di pusat membeli-belah Jakel, Kuala Lumpur, pada 28 Jun lalu, seramai 45 anak yatim berusia di antara enam hingga 17 tahun diberikan peluang memilih sendiri baju bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali, Pegawai Kanan dan kakitangan SPNB. Kesemua kanak-kanak ini diraikan dalam satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB).

Kala majlis berlangsung, pelbagai gelagat dipamerkan. Ada yang cerewet dengan saiz dan ada juga yang sudah bersedia di kaunter pembayaran. Koleksi kartun terkenal Upin dan Ipin keluaran Jakel menjadi pilihan utama kerana hampir kesemuanya memilih koleksi yang sama. Majlis yang berlangsung dari jam 9 pagi sehingga 11 pagi ini bukan sahaja meriah buat anak-anak istimewa ini tatkala SPNB turut menaja golongan ibu tunggal untuk membuat persiapan hari raya. Dalam program itu juga, Rumah Titian Kasih turut menerima cek bernilai RM1,000 sebagai sumbangan ikhlas daripada SPNB.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Perancangan Strategik Syarikat Perumahan Negara Berhad, Mastura Azlina Mohammad, Ketua Bahagian Perundungan Litigasi, Mohd Hafidz Bin Abu Bakar, Ketua Bahagian Pengurusan Kawalan Integriti, Mejar (B) Mohd Tajol Hasnan Bin Ghazali dan Penyelia Rumah Titian Kasih Titiwangsa, Noraini Abd. Rahman.





# RUMAH PILIHAN UTAMA

---

RUMAH MESRA RAKYAT 1 MALAYSIA (RMR1M) TERUS MENJADI PILIHAN UTAMA RAKYAT MALAYSIA KHUSUSNYA YANG BERPENDAPATAN SEDERHANA. SPNB 360° MENDEKATI PEMILIKNYA DI TANJUNG SEPAT MUKIM BATU, KUALA LANGAT, SELANGOR.

**E**disi lalu, SPNB 360° merakamkan pengalaman pembeli rumah Mesra Rakyat di Ulu Tupai, Taiping, Perak. Kali ini kami mendekati seorang lagi pembeli iaitu En. Chia Mooi Kee yang sudah hampir tiga tahun mendiami rumah yang diidamkan. Rumah yang dibina di atas Lot 1512 Tempat Bandar Tg Sepat Mukim Batu, Kuala Langat Selangor Darul Ehsan ini memiliki keluasan 1000 kps yang merangkumi tiga bilik tidur serta dua bilik air. Berbicara mengenai kediaman ini. “Saya sememangnya mengimpikan kediaman yang selesa buat keluarga. Dengan adanya tawaran Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) oleh SPNB Sdn Bhd, saya tidak teragak-agak untuk memohon. Proses permohonan tidak mengambil masa yang lama dan saya gembira dengan kualiti yang diberikan. Saya dan keluarga telah mendiami rumah ini sudah hampir tiga tahun sejak menerima kunci pada 20 Mei 2013.”

Anak tempatan yang berusia 55 tahun dan berkerja sebagai penjual sayur ini bersetuju rumah adalah asas dalam membina keluarga.

Oleh itu, rumah milik sendiri adalah menjadi impian oleh semua keluarga di Malaysia. Sambungnya lagi. “Jumlah pendapatan saya sentiasa konsisten dan ada kalanya melebihi apa yang dijangka terutamanya pada musim perayaan. Oleh itu, dengan bayaran sebanyak RM150 sebulan, saya boleh merancang perbelanjaan lain dengan berhemat. Dua daripada anak saya kini tidak tinggal bersama-sama kerana mereka masing-masing tinggal di bandar lain mencari rezeki. Namun sesekali mereka akan pulang menjenguk saya dan isteri.”

Dikurniakan anak seramai empat orang, mereka hidup dalam suasana yang aman damai. Katanya lagi, “Tanjung Sepat berpotensi untuk dibangunkan menjadi kawasan pelancongan baru di Selangor yang mempunyai keunikan tersendiri melalui persekitaran alam bersih dan indah serta penghasilan produk tempatan. Maka memiliki sebuah kediaman yang selesa dengan pendapatan yang cukup untuk menyara keluarga adalah satu kebahagiaan utama.”

## RUMAH MESRA RAKYAT 1 MALAYSIA (RMR1M)

Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) adalah satu program kerajaan di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi membantu rakyat Malaysia yang miskin seperti petani dan nelayan untuk memiliki rumah sendiri.

Di bawah program ini, mereka yang layak boleh menerima subsidi kerajaan sebanyak RM 20,000 dan subsidi faedah 2% bagi meminjam wang dari Bank.

- Mempunyai keluasan 1,000 kps dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 tandas.
- Harga rumah adalah RM 65,000.
- Subsidi kerajaan adalah RM 20,000.
- Faedah pinjaman dari bank dengan subsidi kerajaan sebanyak 2%.
- Jumlah bayaran bulanan tertakluk kepada pihak bank.



“

*Proses permohonan tidak mengambil masa yang lama dan saya gembira dengan kualiti yang diberikan. Saya dan keluarga telah mendiami rumah ini sudah hampir tiga tahun sejak menerima kunci pada 20 Mei 2013.”*



# KEDIAMAN IDAMAN

IMPIAN MEMILIKI SEBUAH RUMAH TERES BUKAN LAGI SATU ANGAN-ANGAN. PERKHABARAN PROJEK PEMBINAAN RUMAH OLEH SPNB IDAMAN BAGAIKAN SESUATU BERITA GEMBIRA YANG DINANTIKAN BUAT SESEBUAH KELUARGA. SPNB 360° BERTEMU MOHD RIDZUAN RAMLI DI SG.PETANI, KEDAH UNTUK BERKONGSI RASA KEDIAMAN BARUNYA.

Pagi itu, warga SPNB 360° menyambut kehadiran saudara Ridzuan di lobi hotel penginapan. Hadir dalam persalinan santai bersama isteri dan dua cahaya matanya, terpancar rasa gembira pada riak wajahnya. Ridzuan bukanlah individu yang asing kerana dia adalah salah seorang warga SPNB. Menyertai SPNB sejak 2005 berbekalkan Diploma Penilaian, UTM cawangan Kuala Lumpur, ternyata pengalaman yang dimiliki digunakan sepenuhnya untuk menggembeleng prestasi syarikat.

Berbicara mengenai rumah yang bakal didiami kelak, Ridzuan menghela nafas lega. "Rumah yang saya beli ini adalah projek SPNB Idaman Sdn Bhd. Jenis rumah teres satu tingkat dengan keluasan tanah 20' x 65' dan keluasan binaan 1,160 kps. Ia mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air, ketinggian siling 12 kaki, jubin seramik berukuran 300mm x 300mm untuk ruang tamu, ruang makan, bilik tidur serta dapur. Manakala untuk bilik air menggunakan jubin seramik setinggi 2.1m." Berlokasi di Taman Universiti Jaya Fasa 2, Semeling, Kedah, Ridzuan mengakui kawasan yang dibangunkan ini adalah lokasi yang baik kerana berada di kawasan yang sedang membangun. Dengan adanya pusat pengajian tinggi seperti Universiti AIMST, UITM Merbok dan berdekatan dengan pekan Ridzuan positif dengan pilihannya.

Kala ditanya mengenai kos yang ditanggung, Ridzuan mengukir senyuman, "Memegang tanggungjawab sebagai Penolong Eksekutif di SPNB Idaman dan secara amnya adalah warga SPNB, saya layak memperoleh diskon sebanyak 5 sehingga 10 peratus di mana jumlahnya tidak boleh melebihi RM25,000. Malah, setiap bulan saya hanya perlu membayar sebanyak RM800 sahaja sebulan di mana nilai ini amat berpatutan." Ridzuan memilih lot tepi sebagai pilihan. Sambungannya lagi. "Harga rumah lot tepi ini mencecah RM200,000 ke atas. Walaupun harganya lebih tinggi dan mendapat permintaan tinggi namun saya berjaya untuk membelinya. Lebih-lebih lagi dengan dua zuriat yang semakin membesar, saya dan isteri yakin lot tepi mampu memberikan kami banyak keistimewaan."

Berusia 34 tahun, kini sudah memiliki keluarga yang bahagia dan rumah idaman, Ridzuan tidak putus memanjatkan rasa bersyukur. "Sebagai anak jati Sg.Petani, Kedah saya berbangga kerana dapat memiliki rumah sendiri yang diidamkan selama ini. Sesekali jika ada waktu lapang, saya akan ke tapak projek untuk meninjau perkembangan pembinaan dan pastinya kami sekeluarga tidak sabar untuk melihat ia siap sepenuhnya dan mendudukinya kelak pada 2017."



“

*Memilih kediaman SPNB semestinya menjadi pilihan tepat dan utama kerana saya yakin dengan kualiti produk serta harga yang diberikan juga amat berbaloi*



# PROJEK TAMAN UNIVERSITI JAYA FASA 2A SEMELING, SUNGAI PETANI, KEDAH.



Dibangunkan di atas PT 5022 (Sebahagian lot 1169), berkeluasan projek secara keseluruhan adalah 64.03 ekar yang berstatus pajakan selama 99 tahun. Unit perumahan kediaman dibahagikan kepada dua (2) fasa:

#### FASA 1 - 421 UNIT (HABIS DIJUAL) RM 42,000

- Teres Setingkat Kos Rendah (700KP) - 411 unit
- Kedai Setingkat (1,100KP) - 10 unit
- Jumlah - 421 unit

#### FASA 2A – TERES SETINGKAT KOS SEDERHANA BERMULA DARI RM 168,000 (1,160 KP) - 104 UNIT

#### FASA 2B – TERES SETINGKAT KOS SEDERHANA (1,160 KP) - 146 UNIT RM 184,800

JUMLAH KESELURUHAN: 689 UNIT



#### INSENTIF PEMBELIAN RUMAH DI BAWAH KUMPULAN SPNB OLEH KAKITANGAN SPNB

##### (Bertaraf Tetap & Kontrak)

##### Syarat kelayakan:

- Kakitangan tetap atau kontrak yang bertugas melebihi 5 tahun layak mendapat diskaun sehingga 5% ke atas Harga Belian ( tidak melebihi diskaun maksimum sehingga RM50,000 )
- Tidak boleh pindah milik dalam tempoh 5 tahun (tempoh moratorium).
- Pembelian rumah kedua dibenarkan selepas 5 tahun daripada pembelian pertama pada kadar diskaun 7%.
- Hak pemilikan terhad kepada 2 unit sahaja. Bagi kakitangan suami isteri maksimum had pemilikan adalah 2 unit sepasangan.

##### Terma & Syarat Pemilikan:

- Diskaun terhad kepada rumah yang dibina Kumpulan SPNB sahaja.
- Urusan proses pinjaman perumahan dengan institusi kewangan berdaftar adalah tanggungjawab kakitangan.
- Kakitangan boleh membeli harta tanah di atas Nama Bersama dengan pasangan atau ahli keluarga terdekat.
- Pembelian harta tanah adalah mengikut konsep Rumah Pertamaku iaitu keutamaan diberi kepada kakitangan yang belum memiliki harta tanah.
- Jenis, harga dan bilangan unit-unit harta tanah yang ditawarkan tertakluk kepada kuota yang ditetapkan SPNB.
- Unit-unit terpilih perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Kumpulan SPNB sebelum diiklankan, diumumkan/ dibuka jualan kepada kakitangan.

**KOMITED  
MEREALISASIKAN  
PERUMAHAN  
IDAMAN ANDA**

##### INSENTIF JUALAN:

- 3% Subsidi yuran guaman bagi penyediaan SPJB
- 5% diskaun Bumiputera
- Cabutan bertuah (Kereta, motosikal, TV, peti sejuk, penghawa dingin, mesin basuh dan Tab Samsung)

##### MAKLUMAT LESEN PEMAJU & PERMIT IKLAN

No. Lesen Pemaju 8311-31/02-2017/0137(L)  
No. Permit Iklan dan Jualan: 8311-31/02-2017/0137 (P)

# ILHAM RAYA

WARNA ADALAH ELEMEN PENTING DALAM MEMASTIKAN RUANG KEKAL PRIVASI SELAIN MENYUNTIK ELEMEN SELESA. SPNB 360° BERKONGSI PANDUAN MEMILIH CAT UNTUK IMPAK RUANG YANG BERBEZA.




Pemilihan warna cat dinding ruang tamu sebenarnya bergantung pada cita rasa tersendiri. Namun begitu, menetapkan elemen kediaman penting untuk memastikan paduan warna dan perabot kelihatan harmoni.

**1. WARNA SEJUK** Jika anda gemarkan nuansa dingin pada ruang tamu maka memilih warna hijau, biru, kelabu adalah bertepatan. Warna hijau atau warna biru juga dapat dipadukan dengan warna putih untuk menghasilkan kesan minimalis.

**2. WARNA HANGAT** Tidak semua orang gemarkan warna hangat seperti merah, kuning atau oren kerana bimbang ia akan mencacatkan suasana. Namun begitu, jika kena pada gayanya, tidak mustahil anda mampu mencipta suasana yang segar dan bertenaga. Pilihan selamat, paduan warna hangat bersama warna putih dapat memberikan titik kontra yang harmoni.

**3. WARNA MODEN** Jika anda menginginkan suasana moden di dalam ruang tamu, maka gunakan kombinasi warna hitam dan putih. Warna cat ruang tamu yang sempit sebaiknya berwarna putih, sebaiknya perabot dan aksesori lain menggunakan warna hitam. Ruangan moden juga boleh menggunakan paduan warna – warna yang ceria seperti oren dengan biru atau hijau dengan kuning.



## PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU SEBELUM MEMILIH WARNA

- Tentukan lebih awal material atau aksesori yang sedia ada. Ini mengelakkan daripada anda tersalah pilih dan hanya mengikut nafsu kala membeli.
- Elakkan menggabungkan penataan flora pada setiap pelosok ruang. Cukup sekadar satu atau dua pilihan berbunga seperti langsing atau aturan kusyen.
- Elakkan terlalu menggabungkan lebih daripada dua warna pada ruang tamu. Kombinasi yang berlebihan mungkin akan mencacatkan penampilan ruang.

# EXTRAVAGANZA AIDILFITRI



SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD

Tingkat 8, Wisma Perkeso  
Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur  
Hotline: 1300 80 3838  
Talian Am: 03-2618 5555 / 03-2618 5556  
Faks : 603-2681 0171  
Email : [aduan@spnb.com.my](mailto:aduan@spnb.com.my)